

Headline	Rakyat Selangor tuntutan janji manifesto bekalan air percuma		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	4	ArticleSize	106 cm ²
AdValue	RM 1,394	PR Value	RM 4,182



Rakyat Selangor tuntutan janji manifesto bekalan air percuma

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Keberanian penduduk Selangor menuntut manifesto bekalan air percuma yang dijanjikan kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam pilihan raya lalu ditunaikan adalah tindakan wajar bagi mendapatkan keadilan.

Penasihat Undang-undang dan Ekonomi Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Dr. Ahmad Zaki Ismail berkata, manifesto itu merupakan perjanjian yang perlu ditunaikan oleh kerajaan PKR Selangor.

"Apa yang dinyatakan kerajaan Selangor berasaskan undang-undang yang boleh dituntut rakyat kerana ia berkaitan hak yang

dinyatakan dengan hasrat," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan 683 pengguna di Selangor yang akan memfailkan tuntutan terhadap kerajaan PKR Selangor di Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selasa ini bagi

mendapatkan tunggakan subsidi air di bawah skim air percuma seperti yang dijanjikan dalam manifesto pembangkang pada Pilihan Raya Umum Ke-12.

Menurut Ahmad Zaki, Menteri Besar Selangor perlu bertanggungjawab dengan 'janji manis' terhadap penduduk Selangor

kerana ia dibuat bagi mendapatkan sokongan mereka semasa pilihan raya lalu.

Sementara itu, Pensyarah Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Dr. Mohd. Azizuddin Mohd. Sani berkata, perjanjian yang dibuat kerajaan negeri Selangor kepada penduduk negeri itu merupakan dasar dan perlu dilaksanakan.

"Rakyat berhak meminta penjelasan mengapa dasar yang dijanjikan kerajaan negeri tidak disempurnakan sepenuhnya," ujarnya.